

Pemakaian Teori Kemasyarakatan Ibn Khaldun dalam Memperkaya Konsep Kurator Museum Islam

Ahmad Farid Abd Jalal

(Muzium Pahang, Malaysia; farid.mujiumpahang@gmail.com)

Rahimin Affandi Abd Rahim

(Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia;
faqir_ila_rabbib@um.edu.my)

Abstract

This article discusses the importance of museum curators for developing civilization. The magnitude of the concept of the museum curator can be derived from the theory of Ibn Khaldun. With literature review, this study found that the theory of Sociology-History theory proposed by Ibn Khaldun could be utilized for the profession of the museum's curator. It's not just about improving the curators in their day-to-day tasks, but also empowering them to make them more critical in handling issues. The application of Ibn Khaldun's theory may be an alternative to the rise of the Malay knowledge system as a nation that must have been excluded from colonialism, including in geopolitical and science (epistemology).

Keywords: Ibn Khaldun; Social History; museum curator; Malay community; Sociology of knowledge

Abstrak

Artikel ini membahas pentingnya kurator museum untuk mengembangkan peradaban. Pemerksaan kurator museum dapat diturunkan dari teori Ibnu Khaldun. Dengan tinjauan literatur, penelitian ini menemukan bahwa teori Sosiologi-sejarah yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun dapat dimanfaatkan untuk profesi kurator museum. Ini bukan hanya tentang meningkatkan para kurator dalam tugas sehari-hari mereka, tetapi juga memberdayakan mereka untuk membuat mereka lebih kritis dalam menangani masalah. Penerapan teori Ibn Khaldun dapat menjadi alternatif bagi kebangkitan sistem pengetahuan Melayu sebagai bangsa yang harus dapat keluar dari hegemoni kolonialisme, termasuk dalam geopolitik dan sains (epistemologi).

Kata Kunci: Ibn Khaldun; Sejarah Sosial; kurator musium; masyarakat Melayu; Sosiologi pengetahuan

A. Pendahuluan

Ciri penting sebuah masyarakat adalah budayanya. Budaya mengandung ilmu, kepercayaan, kesenian, aktivitas, dan artefak; baik yang bercorak material maupun immaterial.¹ Hal-hal tersebut dapat dijejak dari muzium. Muzium diakui sebagai institusi terpenting yang memainkan peranan mengumpul, menjaga, merawat serta mempamerkan warisan ketara (*tangible*) dan tak ketara (*intangible*) sejarah sesuatu bangsa. Ia sangat berguna untuk tujuan memelihara ilmu dan mendidik anggota masyarakat tentang peri pentingnya warisan sejarah sesuatu bangsa. Atas dasar itu, badan dan persatuan muzium sedunia telah menjadikan agenda pembangunan dan pendidikan masyarakat sebagai matlamat terpenting.²

Kewujudan muzium merupakan salah satu usaha ke arah mengekalkan khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa kita. Koleksi-koleksi yang bernilai ini merupakan bukti sesuatu peristiwa atau sejarah lampau yang telah berlaku di negara kita. Muzium memainkan peranan yang sangat penting sebagai pusat rujukan dan penyelidikan. Pelbagai kajian dan penulisan didokumentasikan bagi tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat agar mengenali dan mengetahui jati diri bangsa.³

Ia perlu digerakkan oleh kurator yang menjadi pengurus dan sarjana kepada muzium. Berasaskan kepada konsep budaya ilmu dan kemampuan ilmu menyumbang dan menyelesaikan masalah manusia, kajian akan menunjukkan bagaimana teori ilmu

¹ Rahman, M. Taufiq. *Pengantar Filsafat Sosial*. Bandung: LEKKAS, 2018, h. 173-175.

² Ab Samad Kechot (2012), Pendidikan Warisan Di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya, *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8 issue 8, h. 35 – 46.

³ Ahnaf Wafi Alias (2018), Kurator Muzium Negeri Pahang Dalam Memastikan Kelangsungan Manuskrip Hukum Kanun Pahang, *Persidangan Siswazah Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018*, (PERSIPMAM), Bilik Seminar UNIKEB, Bangi Gateway, Bandar Baru Bangi, Selangor 19 April 2018, h. 215-230.

Ibn khaldun⁴ dapat menyumbang kepada pemerksaan konsep kurator muzium di zaman moden.

Istilah kurator merujuk kepada profesion khusus dalam institusi muzium. Ia memainkan peranan penting dalam;⁵

1. Mengumpul, menjaga, merawat, mengelas dan melakukan kajian lanjutan terhadap sesuatu artifak atau manuskrip yang dimiliki oleh sesebuah muzium.
2. Merangka konsep asas bagi tema dan reka bentuk sesuatu artifak untuk dipamerkan. Hal ini perlu bagi memastikan bahan pameran kelihatan menarik, mudah difahami dan ‘menghidupkan’ pameran yang bakal memberi input ilmu kepada khalayak pengunjung.

Oleh yang demikian, tugas kurator umpama sarjana/profesor di Institut Pengajian Tinggi. Ia memerlukan seseorang yang mempunyai kemahiran tinggi dalam melakukan kajian ilmu dari pelbagai bidang yang khusus. Ia bertindak sebagai pakar rujuk dalam memahami artifak, manuskrip dan koleksi tertentu.

Menurut Mohd Azmi Mohd Yusof, muzium beroperasi melalui tiga kegiatan utama, iaitu pertama, mengumpul, menyelidik dan memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam yang penting kepada negara; kedua, mendokumentasi serta menerbitkan hasil penyelidikan; dan ketiga, memberikan khidmat pengembangan ilmu melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum, persidangan serta khidmat lawatan berpandu ke galeri pameran.⁶ Walaupun muzium menjalankan pelbagai

⁴ Maklumat terperinci tentang Ibn Khaldun boleh didapati dalam Asyiqin Ab Halim (2014), Ibn Khaldūn's Theory Of 'Aṣabiyyah And The Concept Of Muslim Ummah, *Jurnal al-Tamaddun*, Bil 9 (1) h. 33-44

⁵ Hooper-Greenhill, 2000, *Museums And The Interpretation Of Visual Culture*. London & New York: Routledge, h. 133

⁶ Mohd Azmi Mohd Yusof (2013), Menggiatkan Fungsi Muzium Dan Upaya Memupuk Minat Sejarah Di Kalangan Masyarakat Awam, *Prosiding Sidang Kemuncak Sejarah*, K. Lumpur, PSM, h. 2.

kegiatan dalam operasinya, namun, kegiatan pengembangan ilmu itulah yang boleh dikatakan paling menonjol terutama dari aspek pameran.⁷

Sekiranya pihak sekolah mengguna pakai kurikulum untuk menyalurkan pendidikan sejarah secara formal kepada para pelajar, maka muzium memanfaatkan galeri pameran untuk mendidik anggota masyarakat berkenaan hal serupa melalui kaedah tidak formal. Mengambil contoh galeri pameran di Muzium Negara Kuala Lumpur, ia mendedahkan secara tepat perkembangan sejarah negara kepada pengunjung merentasi sempadan zaman, iaitu melalui era pra-sejarah, negeri Melayu di abad ke-19, zaman penjajahan dan era kontemporari Malaysia.⁸

Tempoh had masa ini dianggap agak komprehensif walaupun disampaikan secara visual, ringkas serta tidak formal kepada para pengunjung muzium. Meskipun formaliti artikulasi sejarah di muzium sedikit longgar berbanding dengan sekolah, namun, naratif pamerannya masih terkawal terutama muzium seliaan khusus kerajaan.

Bagi Abu Talib Ahmad, muzium masih merupakan sebahagian jentera yang diguna pakai oleh kerajaan untuk memupuk semangat patriotik dan kenegaraan dalam rangka pembinaan negara-bangsa.⁹ Apa yang akan diutamakan dalam pameran ditetapkan berdasarkan sejauhmana sesuatu isu sejarah itu mampu menyumbang pada usaha memperkukuh agenda pembinaan negara-bangsa tadi. Justeru, walaupun orientasinya berbeza, namun, naratif muzium boleh dikatakan selaras dengan apa yang biasa

⁷ Jennifer KimLian Chan & Eileen Yeoh (2010), The Experiential Dimensions of Museum Experiences: The Visitors' Perspectives, *International Journal of Business and Accountancy*, Vol. 1, No. 1, h. 27-29 .

⁸ Abu Talib Ahmad (2013), Muzium Dan Penghayatan Sejarah Negara, *Prosiding Sidang Kemuncak Sejarah*, K. Lumpur, PSM, h. 2.

⁹ Abu Talib Ahmad (2008), State Museums And Their Representations Of The Past In Malaysia, *JMBRAS*, Vol. 81, Bah. 2, h. 45-46.

dipaparkan di sekolah. Sekaligus, ia meletakkan fungsi institusi ini sama pentingnya dengan sekolah dari aspek artikulasi sejarah.

Bagi sarjana pendidikan, terdapat kelebihan pada muzium untuk tujuan pendidikan.¹⁰ Antaranya adalah institusi ini dapat menimbulkan minat dan kefahaman pelajar dengan subjek sejarah yang dipelajari secara teori di sekolah.¹¹ Ini kerana pemahaman ini dapat dijana melalui pemerhatian langsung pada galeri di muzium.¹²

B. Metode

Kajian ini merupakan pembahasan literature (*literature review*) atas teori-teori Ibn Khaldun dan hubungannya dengan peranan kurator muzium. Ibn Khaldun telah memperkenalkan disiplin sosiologi-sejarah yang bertujuan untuk meneliti hukum alami fenomena sesebuah masyarakat, samada menafsirkan sesuatu fenomena sosial masyarakat dalam bentuk perkaitan sebab musabab¹³ ataupun meramalkan jalan penyelesaian terhadap sesuatu permasalahan yang timbul.¹⁴ Bagi Ibn khaldun penggunaan disiplin sosiologi-sejarah ini tidak boleh dibuat secara spekulatif (agakan) semata-mata, tetapi perlu dilakukan secara berhemah. Ianya perlu berasaskan kerangka kajian ilmiah yang bersifat objektif, mementingkan sumber kajian yang tepat, tafsiran sumber yang betul dan pengaplikasian metodologi kajian kes

¹⁰ Azman Ligun (2017), Muzium Sebagai Instrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah, *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil. 5, Isu 1 [19], h. 19-30; Ab Samad Kechot (2010), Proses Pendidikan Muzium: Satu Kajian Awal, *Jurnal Melayu* (5), h.: 285-293.

¹¹Ab Samad Kechot (2012), Pendidikan Warisan Di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya, *GEOGRAFLA (Journal Of Society And Space)*, issue 8, h. 35 – 46.

¹²Badrul Isa (2017), *Museum Pedagogy And Learning Experiences: An Investigation Into Museum Education From Instructional Perspectives*, Tesis Phd Untuk School of Education, College of Design and Social Context, RMIT University, h. 23-50.

¹³ Toto Suharto (2003), *Epistemologi Sejarah Kritis Ibn Khaldun*, Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru, h. 87-103.

¹⁴ Untuk maklumat lanjut tentang kaedah pentafsiran sosiologi ini sila Abdullah Mohd. Said (2003), “ Prosedur Dan Pelaksanaan Penilaian Dampak Sosial “, Dalam (Ed. Mohd Razali Agus), *Penilaian Dampak Sosial*, Kuala Lumpur: Utusan publication.

(observasi) yang betul.¹⁵ Penggunaan disiplin sosiologi-sejarah yang ketat ini bermatlamatkan untuk memahami realiti sebenar perubahan masyarakat yang berlaku dan menawarkan ramalan penyelesaian masalah terhadap apa-apa masalah sosial yang timbul.

Idea asas yang dipelopori oleh Ibn Khaldun ini, tentang kepentingan pengkajian terhadap elemen perubahan yang berlaku di dalam masyarakat telah mempengaruhi sarjana Islam moden, termasuklah pihak kerajaan sendiri yang memperuntukan sebahagian besar dana keewangan negara bagi meneliti elemen perubahan yang berlaku di dalam masyarakat Malaysia. Dana ataupun bantuan penyelidikan sains sosial dalam bentuk *research grant* (seperti IRFA, Fundamental, FRGS dan vote F) telah diperuntukan kepada beberapa IPTA bagi menghasilkan kajian sosiologi masyarakat Malaysia yang mempunyai nilai tambah (*value added*), demi untuk memastikan kelancaran program pembangunan yang sedang giat dijalankan.¹⁶

C. Hasil dan Pembahasan

1. Teori Ibn Khaldun Dan Tugas Kurator Muzium

Terdapat beberapa perkara yang boleh dimanfaatkan, antaranya.

a. Membantu Kurator Memahami Tugas Dan Tanggungjawabnya

Tugas seorang kurator berkait rapat dengan konsep tamadun. Bahkan ia telah menjadi bidang/tunjang utama bagi sesuatu muzium. Lebih tepat lagi, bidang tugas kurator berhubungan dengan tamadun. Ia membabitkan usaha memilih hasil ataupun

¹⁵ Mahayudin Haji Yahya (1999), “ Masyarakat Madani Dalam Kerangka Teori Masyarakat Umran “, *Jurnal Pendidikan Islam*, V. 8, Bil. 4, h. 10-11.

¹⁶ Ahmad Fawzi Mohd. Basri (1996), *Perubahan Nilai Dalam Budaya Politik Melayu*, Dalam Ed. Oleh Ahmad Fawzi Mohd. Basri, *Nilai Orang Melayu*, Sintok: Sekolah Pembangunan Sosial, UUM; Mohd Razali Agus (2000), *Pembangunan Dan Dinamika Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan publication.

output daripada sesuatu tamadun.¹⁷ Ia perlu menjaga, merawat dan terpenting sekali mempelajari serta mempersembahkannya untuk masyarakat awam.

Tidak semua benda pelik dianggap sebagai artifak berguna seperti difahami oleh masyarakat eropah abad ke 17- 19. Eilean Hooper Greenhill menjelaskan bahawa golongan bangsawan British mewujudkan muzium secara persendirian (*private*) iaitu dengan mengumpul koleksi barangan antik dan bersejarah di rumah-rumah agam dan vila persendirian mereka. Muzium hanya tertumpu kepada masyarakat kelas atasan atau golongan bangsawan sahaja. Hal ini dijelaskan seperti berikut:¹⁸ *“The root of museums are conventionally traced back to the ancient western world, where arts was first shown as a booty of conquest in the splendour of private villas.”*

Di zaman kolonial, matlamat utama muzium adalah untuk menjustifikasikan kolonialisme, dan dibuat untuk menarik sokongan moral dan ekonomi masyarakat untuk meneruskan agenda penjajahan. Ia sama ada ditaja oleh tokoh tertentu atau pihak kolonial, menjadikannya milik golongan atasan untuk orang bawahan. Institusinya bersifat menara gading dan tidak membumi. Proses interaksinya dengan masyarakat bersifat satu hala iaitu hanya kurator yang membenteng fakta dan maksud artifak kepada pengunjung. Ia disimpan untuk membanggakan diri dan menaikkan status masyarakat pada nya sehingga kerap kali artifak unik itu sebenarnya adalah rekaan semata-mata.

Atas dasar itu, tugas kurator muzium zaman kolonial berkait dengan penjajahan. Ia terpaksa mengakui sumbangan masyarakat tanah jajahan dalam

¹⁷ Zuliskandar Ramli et al. (2011), Masyarakat Maritim Di Pulau Kalumpang Dan Lembah Bujang: Pelayar Dan Pedagang Antarabangsa, Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, *Perak-Warisan arkeologi*, Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, Kuala Lumpur, h. 162.

¹⁸ Eilean Hooper Greenhill (1999), *Museum and Gallery Education*, Leicester University Press. Turkish edition, Muze ve Galeri Egitimi, Ankara University, h. 41.

membangunkan ekonomi negara penjajah. Di zaman selepas merdeka, seorang kurator secara tidak langsung terpaksa mengakui kesalahan silam dengan cara memulangkan kembali artifak yang diambil dengan jalan yang salah oleh penjajah. Terdapat lima cara bagaimana sesuatu artifak diperolehi, iaitu: i) rampasan perang, ii) rompakan dengan pelbagai cara penipuan, iii) hadiah dalam hubungan diplomatik, iv) koleksi saintifik daripada ekspedisi, dan v) pengumpulan peribadi membabitkan pembelian sesuatu artifak. Bentuk (i) dan (ii) telah dipulangkan kembali kepada negara asalnya.¹⁹

Bagi Mahyuddin Yahya, antara tanda tamadun yang patut diutamakan oleh seorang kurator adalah artifak fizikal, manuskript intelektual dan semua perkara yang membabitkan tamadun silam. Ia perlu dijaga dan dihargai kerana melambangkan tahap kemajuan tamadun suatu masa dahulu.²⁰ Ia kemudiannya bakal menimbulkan sifat bangga masyarakat dan menjadi produk pelancungan.²¹

Sejarah Tanah Melayu mencatatkan semua koleksi bahan, artifak dan spesimen daripada koloni bermanfaat kepada pihak British di London dan di Tanah Melayu. Hal ini bersandarkan kepada beberapa aspek berikut:

Pertama, sebagai alat untuk memahami sifat masyarakat koloni dalam menyediakan dasar yang difikirkan sesuai bagi memastikan British dapat bertahan lama di koloni. Sebagai contoh, sejarah mencatatkan bagaimana Muzium Perak ditubuhkan selepas peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch di Pasir Salak. Pihak British

¹⁹ Joseph Maria van Beurden (2016), *Treasures In Trusted Hand Negotiating The Future Of Colonial Cultural Objects*, tesis kedoktoran untuk Universiti Amsterdam, h. 45-48.

²⁰ Mahayudin Hj Yahaya (2011), 'Umran Al 'Alam Dari Perspektif Ibn Khaldun: Suatu Anjakan Paradigma', *International Journal of West Asian Studies*, Vol. 3 No. 1, h. 1-27.

²¹ Maklumat tentang tipologi dan bentuk tamadun material dan intelektual ini boleh didapati dalam Hashim Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arab Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*, Kuala Lumpur, h. 27-40.

menyadari kepentingan untuk mempelajari adat resam, cara hidup dan tradisi masyarakat Melayu demi mengelakkan peristiwa berdarah serupa dari berulang. Oleh itu, proses mempelajari dan memungut bahan tentang masyarakat Melayu berjalan seiring dengan penubuhan Muzium Perak. Apa yang jelas, hasil kajian etnografi orang Melayu ditempatkan dalam muzium terbabit untuk dijadikan panduan oleh para pentadbir British selepas J.W.W. Birch.²²

Kedua, British memperlihatkan peranan besar mereka dalam membangunkan Tanah Melayu kepada masyarakat luar. Pentadbir British dalam persidangan tanah jajahan yang diadakan di London, sering menyebut kejayaan mereka membangunkan koloni melalui pelbagai infrastruktur fizikal (seperti bandar, sistem jaringan jalan raya, kereta api). Antara bentuk infrastruktur fizikal terpenting yang dijadikan piawaian kejayaan mereka adalah penubuhan muzium koloni.²³

Ketiga, kajian dan paparan tentang sumber asli koloni yang berpotensi melahirkan pulangan ekonomi yang baik.²⁴ Kurator British Museum akan menyediakan ruangan dan senarai khusus tentang kajian dan spesimen geologi, botani, mineralogi dan zoologi koloni.²⁵ Sebagai contoh, tanaman getah secara besar-besaran merupakan hasil daripada pendekatan ini sehingga menjadi antara sumber ekonomi utama British di Tanah Melayu. Situasi yang sama turut dilaporkan berlaku di Sarawak apabila wakil Raja Brooke dikatakan telah mengetengahkan maklumat dan

²² Paulette Dellios (1999), *The Museum As Artifact, Made In Malaysia*, Tesis Ph.D Untuk James Cook University Of North Queensland, h. 83

²³ Maxwell, W.E. (1983), *The Malay Peninsula: Its Resources And Prospects*, Dalam *Honourable Intentions*, Ed. P.H.Kratoska, Oxford University Press, h. 132.

²⁴ Indra Sengupta and Daud Ali (2011), *Knowledge Production, Pedagogy and Institutions in Colonial India*, London: Palgrave Macmillan, h. 1-10.

²⁵ Durrans, B (1988), *The Future Of The Other: Changing Cultures on Display In Ethnographic Musuem*, Dalam *The Musuem Time-Machine*, Ed. R. Lumley, Routledge, London, h. 144-169.

fakta botani dan mineral Borneo ke England demi untuk menarik minat para pelabur di England untuk melabur dalam menjana ekonomi di Borneo.²⁶

Berasaskan kepada fakta ini, kita boleh melihat amalan yang dilakukan oleh kurator Muzium Masjid Sultan Abdullah Pekan pahang. Pemilihan objek untuk galeri di Muzium Masjid Sultan Abdullah Pekan pahang tidak dibuat secara sebarangan tetapi dibuat berasaskan kepada beberapa kriteria;

1. ia dibuat berteraskan prinsip Islam - demi menjadikannya patuh syariah.
2. ia mempunyai nilai sejarah dan mewakili era yang dipilih.
3. ia terhasil akibat kemahiran yang tinggi.
4. Keunikan objek.
5. keindahan - dalam aspek bentuk, fungsi, hiasan dan simbol.
6. Gabungan Pameran Seni Dengan Kaidah Teknologi Moden.

Galeri ini dibuat bertepatan dengan dapatan kajian yang memperincikan kehendak dan kecenderungan masyarakat terhadap galeri muzium.²⁷ Kajian ini mendapati;

1. Budaya melawat muzium di Malaysia amat lemah berbanding dengan negara eropah. Keluarga di Malaysia dalam program percutian lebih suka membawa ahli keluarga ke shopping mall dan kawasan peranginan.
2. Walaupun Malaysia memiliki lebih daripada 150 muzium di bawah pihak kerajaan, tetapi ia gagal menarik pelancong kerana kaedah galerinya yang tidak menarik dan bersifat tradisional (New Strait Times Press, March 2012).

²⁶ Paulette Dellios (1999), *The Museum As Artifact, Made In Malaysia*, Tesis Ph.D Untuk James Cook University Of North Queensland, h. 86

²⁷ Shamsidar Ahmad (2018), Creating Museum Exhibition: What The Public Want?, *Asian Journal Of Behavioural Studies (Ajbes)*, 3(11) May / Jun 2018, h. 27-36.

3. Keperluan kaedah pameran diterapkan dengan teknologi digital yang lebih menarik.

Atas sebab itu, Muzium Masjid Sultan Abdullah berpendapat pameran objek perlu dibantu dengan bantuan teknologi untuk menjadikannya lagi menarik. Penggunaan teknologi moden berkonsepkan interaktif telah dilaksanakan. Muzium Masjid Sultan Abdullah dilengkapi dengan Multi Table Touch Screen bagi membolehkan pengunjung mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan objek yang dipamerkan. Antara maklumat yang diperolehi menggunakan peralatan ini adalah sumbangan Islam dalam Tamadun Dunia, Sirah Rasulullah SAW dan persoalan-persoalan asas agama Islam. Ia bersesuaian dengan pandangan sarjana muzium moden yang menegaskan setiap objek yang dipamerkan perlu disertakan dengan penerangan tentang siapa, untuk apa, daripada mana dan terpenting sekali falsafah ia dihasilkan.²⁸

Pengunjung juga boleh mendapatkan maklumat tambahan melalui iPad yang disediakan selain informasi tertera di sekitar ruang pameran. Ia disediakan bagi merangsang daya fikir pengunjung andai digunakan teknologi baru untuk tujuan penerangan ini.²⁹ Hal ini dibuat kerana selalunya seseorang pengunjung akan gagal memahami maksud seni Islam.³⁰ Sedangkan matlamat sebenar ia dihasilkan adalah untuk tujuan meraih keredaan Allah.

b. Pentingnya Kurator Memahami Kaedah Penelitian Ilmu Sejarah

²⁸ Louise Ryan (2015), *Transcending Boundaries: The Arts Of Islam: Treasures From The Nassar D. Khalili Collection*, Tesis Phd Untuk Institute For Culture And Society University Of Western Sydney, H. 51-52

²⁹ Ibid.

³⁰ Ibid, h.53.

Ibn khaldun menekankan kurator sebagai pengkaji sejarah dan tamadun perlu menguasai kaedah penyelidikan ilmu sejarah. Dalam pengkajian tentang pengajian sejarah, beliau merupakan sarjana pertama dan pengasas dalam meletakkan laporan-laporan sejarah di bawah dua ujian iaitu ujian kemunasabahan pada akal dan ujian undang-undang sosial dan fizikal yang diperhatikan. Beliau menjelaskan terdapat empat perkara penting yang menjadi asas dalam melakukan penelitian dan analisis laporan sejarah;

1. Menghubungkan suatu peristiwa dengan peristiwa yang lainnya melalui kaedah sebab musabab.
2. Mengambil kiasan antara yang telah lalu dengan apa yang akan berlaku di masa hadapan.
3. Mengambil kira ke atas kesan dari alam sekitar dalam apa jua peristiwa yang berlaku.
4. Mengambil kira kesan daripada keadaan-keadaan perekonomian dan perkara-perkara yang diwarisi.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa sejarah adalah tertakluk kepada undang-undang sarwajagat dan dia menyatakan kreteria untuk kebenaran sejarah dalam ungkapannya ; *Kaedah untuk membezakan antara apa yang benar dan apa yang palsu dalam sejarah adalah berdasarkan kepada kemungkinannya perkara itu berlaku atau mustahilnya berlaku.* Maknanya, kita mesti memeriksa masyarakat manusia dan membezakan antara ciri-ciri yang bersifat asasi yang tidak boleh dipisahkan daripada manusia dan tabiat kejadiannya dengan apa yang bersifat mendatang serta mengenali dengan lebih jauh lagi apa yang tidak mungkin menjadi milik baginya. Sekiranya perkara ini dapat dilakukan, maka kita ada peraturan untuk membezakan kebenaran

sejarah daripada kesilapan dengan cara kaedah pendalilan yang tidak ada syak lagi padanya. Ianya dasar yang murni dan dengannya ahli sejarah boleh mengesahkan apa-apa perkara yang mereka laporkan.

Ibn Khaldun memberi penekanan tentang perlunya perkara-perkara kemasyarakatan dan peristiwa sejarah dilakukan analisis secara saintifik dan objektif. Ini kerana semua yang berlaku dalam sejarah dan masyarakat itu bukannya hasil daripada perkara-perkara yang berlaku secara kebetulan tetapi semuanya dikawal oleh undang-undang yang tersendiri. Beliau juga telah mengenal pasti beberapa kesilapan para ahli sejarah dalam penyelidikan mereka tentang peristiwa sejarah. Kesilapan ini juga menjadi faktor utama yang mendorong Ibn Khaldūn untuk melahirkan Ilmu Sejarah dan Ketamadunan secara formal.

Semua berpunca daripada beberapa sebab; *pertama*, kejahilan mereka tentang hakikat dan keadaan peradaban dan umat manusia. *Kedua*, sikap prejudis dan prasangka mereka yang pada dasarnya dia tidak mampu untuk memahami apa yang dimaksudkan. Seseorang akan membenarkan apa yang difikirkan bukan apa yang sebenarnya berlaku berdasarkan realiti yang didengar mahupun yang dilihatnya. Seterusnya dia menghubungkan kejadian itu menurut apa yang ada dalam otaknya atau yang diduganya sahaja. *Ketiga*, sikap mereka yang hanya menerima laporan-laporan yang diberi oleh orang lain tanpa usul periksa.

Berdasarkan kepada fakta dan maklumat yang terdapat di atas, penulis berpendapat bahawa Ibn Khaldun adalah seorang yang mempunyai pengetahuan yang sangat mendalam dalam lapangan sejarah. Beliau bukan sahaja menilai dan mengkaji sejarah berdasarkan peristiwa yang berlaku, bahkan beliau turut mengkaji sebab-sebab dan faktor-faktor yang mendorong terjadinya sesuatu peristiwa.

2. Teori Ibn Khaldun dan Pengetahuan Kurator Muzium

Terdapat beberapa teori tajaan ibn khaldun yang dapat dimanfaatkan oleh kurator. Antaranya;

- a. Teori Ibn Khaldun yang menegaskan masyarakat sebagai suatu organism yang bersifat hidup, mempunyai potensi untuk berubah dan berkembang maju seandainya perancangan pembangunan yang rapi dan tersusun dapat dilakukan.³¹

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, terdapat sifat yang stereotaip yang dinisbahkan kepada orang Melayu, iaitu orang Melayu adalah suatu bangsa yang malas, fatalis, takut dan menolak segala bentuk perubahan. Malangnya hal ini yang pada mulanya dikemukakan oleh penjajah British telah turut diakui oleh beberapa sarjana tempatan Melayu sendiri.³²

Selepas terjadinya peristiwa 13 mei 1969, didorong oleh semangat ingin mengekalkan status ketuanan bangsa Melayu, kita dapat melihat bagaimana teori sifat-sifat buruk orang Melayu yang disogokkan oleh penjajah British telah mula dicabar. Hal ini timbul apabila pihak kerajaan telah menjalankan suatu bentuk perancangan pembangunan (*sponsored social change*) dengan nama Dasar Ekonomi Baru (DEB). Di bawah DEB ini, perancangan pembangunan yang tersusun di dalam beberapa sektor terpenting, seperti ekonomi, sosial dan pendidikan telah diberikan penekanan utama.

Bersesuaian dengan teori yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun, kita mendapati bahawa perancangan pembangunan ala DEB ini telah mampu membawa

³¹ Saleh Faghizadeh (2004), *Sosiologi Sosiologi*, Terjemahan Oleh Mohd Fauzi Yaacob, Kuala Lumpur: ITNMB, h. 15-118.

³² Abdul Rahman Aziz (2000), *Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia*, Petaling Jaya: Printice Hall Publication, h. 94-101.

perubahan yang berkesan kepada orang Melayu, khususnya di dalam memberi peluang yang lebih selesa dan adil kepada orang Melayu untuk berubah melalui dua sektor yang utama iaitu pendidikan dan ekonomi.³³ Hasilnya, serba sedikit nisbah negatif yang dikaitkan dengan orang Melayu telah mampu dikikis, lebih-lebih lagi dengan lahirnya sejumlah golongan terpelajar Melayu dan golongan BCIC (*Bumiputera Commercial and Industrial Community*) yang agak besar jumlahnya. Berbanding dengan dasar pilih kasih dan *social reproduction* yang diamalkan oleh penjajah British yang kemudiannya menghasilkan penindasan secara halus terhadap orang Melayu, DEB ini dilihat telah memberi peluang yang lebih luas untuk orang Melayu melakukan mobiliti sosialnya ke arah yang lebih baik. Ini membawa maksud bahawa seperti mana ditegaskan oleh Ibn Khaldun, setiap masyarakat yang paling teruk sekalipun akan mampu berubah dan berkembang seandainya perancangan pembangunan yang lebih teliti dan tersusun dilakukan.

b. Teori iklim yang membentuk sifat sesuatu masyarakat

Menurut Ibn Khaldun, sifat manusia itu sangat bergantung kepada pengaruh iklim yang berada di sekitar mereka. Atas dasar ini beliau menegaskan bahawa manusia yang ditakdirkan mendiami kawasan iklim sederhana akan melahirkan manusia yang berjiwa lembut, berbanding dengan penduduk kawasan iklim yang panas seperti Timur tengah.

³³ Rahimin Affandi Abd. Rahim (2005) Citra Islam Dalam Pembentukan Manusia Melayu Moden Di Malaysia: Suatu Analisa, *Jurnal Pengajian Melayu*, v. 15, h. 19-51

Teori ini terbukti betul apabila dirujuk kepada keistimewaan manusia Alam Melayu. Ia dianggap sebagai *Masyarakat Di Bawah Angin*. Terdapat beberapa sifat khusus masyarakat ini.

Pertama, Islam tersebar di kawasan ini tanpa menumpahkan darah. Hal ini terbukti apabila Islam secara mudah telah diterima oleh manusia Alam Melayu tanpa menumpahkan darah seperti mana yang berlaku di Timur Tengah, Afrika dan Eropah.³⁴ Bahkan Islam dianggap sesuai dengan watak manusia alam Melayu ini.

Kedua, keterbukaan wilayah negeri “ Di Bawah Angin ” terhadap pengaruh luar merupakan karakteristik wilayah ini yang sangat menonjol dan memberikan perubahan besar dalam berbagai aspek, baik bidang budaya, adat, politik, ekonomi maupun keyakinan (akidah) yang melahirkan pemikiran-pemikiran intelektual searah dan berkesinambungan dengan negara-negara luar. Negeri di bawah angin sudah dikenal dalam dunia perdagangan dan pelayaran untuk membedakannya dengan wilayah luar seperti India, Arab, dan Eropa, yang dikenal negeri “Di Atas Angin”, memanfaatkan angin monsun Laut Hindi. Pertemuan dan perpaduan budaya dan ideologi antara orang di “Negeri Bawah Angin” dan “Negeri Di Atas Angin” telah melahirkan intensifikasi dan dinamika intelektual yang dinamik dan beragam.³⁵

Ketiga, watak masyarakat Alam Melayu adalah bersifat mesra alam yang berbeza dengan kawasan lain. Kehidupan mereka terpengaruh dengan alam dan laut. Ianya terdiri:

³⁴ Rahimin Affandi Abdul Rahim (2003), “ Analisis Sejarah Dakwah Dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia “, dalam (edit oleh Zulkiple Abd. Ghani) *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*, Terbitan Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Bangi, h. 47-74.

³⁵ Michael Francis Laffan (2003), *Islamic Nationhood And Colonial Indonesia: The Umma Below The Winds*, London: RoutledgeCurzon.

- 1) mereka menganggap laut sebagai tempat membekalkan rezeki kepada mereka. Atas dasar itu hukum menjaga keseimbangan alam dan lautan mesti dijaga. Sebarang tindakan yang merosakkan alam dan lautan sangat ditegah kerana ianya bakal menjejaskan kehidupan mereka.³⁶
- 2) manusia yang mementingkan elemen kesederhanaan di dalam proses berfikir dan bertindak.³⁷ Mereka mementingkan soal menjaga kerukunan hidup bermasyarakat dan menentang keras sebarang elemen yang bersifat individualism. Ia dapat dirujuk sebagai manusia yang mementingkan kerukunan hidup bermasyarakat (Egalitarian) yang cukup tinggi.³⁸ Hal ini dilakukan sesame sendiri, bahkan juga kepada masyarakat asing.³⁹

Ketiga, manusia yang mempunyai watak tertentu seperti:

- 1) Mereka mempercayai kuasa tuhan yang menentukan untung nasib hidup mereka semasa belayar di lautan yang luas. Kuasa ketuhanan ini diperlukan untuk meminta pertolongan apabila terdesak termasuk juga untuk memberikan keyakinan dan ketenangan diri.⁴⁰ Lebih tepat lagi, hal ini menyebabkan mereka mempercayai kewujudan dan bergantung kepada kuasa tuhan yang menguasai sepenuhnya kehidupan manusia.

³⁶Zainal Kling (2000), "Manusia Melayu, Alam Dan Tamadunnya", Dalam Ed. Oleh Abdul Latiff Abu Bakar *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu: Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995*, Kuala Lumpur: DBP, 2000, h. 294-304; Mujiyono Abdillah (2001), *Agama Ramah Lingkungan: Perspektif Al-Quran*, Jakarta: Paramadina, 2001, h. 147-152.

³⁷ Abdul Halim Othman Dan Md. Shuaib Che Din (1993), "Sifat Kesederhanaan", Dalam *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur: DBP, h. 102-109.

³⁸ Wan Abdul Halim Othman (1993), "Hubungan Kekeluargaan Dalam Masyarakat Melayu", Dalam *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur: DBP, h. 61-101.

³⁹ Idris Zakaria (2003), "Islam Dan Amalan Toleransi Di Alam Melayu", Dalam (Edit) Zulkiple Abd Ghani, *Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia*, Bangi: Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, UKM, h. 150-165

⁴⁰ Haron Daud (2002), "Pemikiran Melayu Tentang Alam Dan Hakikat Diri", Dalam Ed. Oleh Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus *Pemikiran Melayu Tentang Alam Dan Hakikat Diri: Kumpulan Kertas Kerja Kolokium Bahasa Dan Pemikiran Melayu/Indonesia 11*, Kuala Lumpur: DBP, h. 113-138

- 2) Seorang yang tabah dan sabar menghadapi gelora lautan. Mereka mudah membantu orang dalam kesusahan. Mereka selalu bersedia dengan sebarang hal yang bakal berlaku kerana perubahan cuaca dan monsun di laut.
- 3) Insan yang sanggup belajar dengan alam - laut sebagai guru yang mengajar dan membentuk pemikiran mereka. Mereka perlu patuh dan akur dengan jadual perubahan monsun setiap tahun. Pada waktu musim tengkujuh, kerja sebagai pelaut tidak akan dilakukan dan menumpukan pada kerja lain. Untuk belayar meredah lautan mereka memerlukan ilmu pelayaran dan tahu menggunakan bintang di langit sebagai pedoman perjalanan.
- 4) Manusia yang mudah terbuka dengan pengaruh difusi asing yang datang daripada luar.⁴¹

c. Teori asabiyyah sebagai asas pembangunan tamadun

Sifat sayangkan tanah air adalah fitrah mulia yang jadi pendorong lahirnya kerajaan Islam. Baginda Rasulullah SAW sendiri menggambarkan perasaan ini dengan sabdanya ketika diusir dari Mekah: *“Demi Allah! Sesungguhnya engkan (wabai mekah) adalah sebaik-baik bumi Allah, juga negeri Allah yang paling dicintainya. Kalaupun bukan kerana aku diusir keluar darinya (oleh penduduk Mekah) aku tidak akan sama sekali meninggalkanmu.”* (Sunan al-Tirmidhi (3860), Sunan Ibn Majah (3099), Musnad Ahmad (17966).

Demi membujuk baginda agar tabah menghadapi dugaan berpisah dari tanah air, Allah menjamin kejayaan perjuangan baginda dengan FirmanNya: *“Sesungguhnya*

⁴¹ Abdul Rahman Abdullah (1999), *Pemikiran Umat Islam Di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: DBP, h. 54-56.

Allah yang mewajibkan kepadamu (beramal dan menyampaikan) Al-Quran (wahai Muhammad) sudah tentu akan menyampaikan engkau lagi kepada apa yang engkau ingini dan cintai.” (al-Qasas 28:85).

Maksud perkataan “apa yang engkau ingini dan cintai” dalam ayat ini ditafsirkan sebagai kejayaan Baginda SAW menakluki kembali dan membuka kota Mekah pada tahun ke lapan Hijrah (Sahih al-Bukhari [4400]).

Kerajaan Islam ini diperlukan bagi melaksanakan pelaksanaan syariah dan memungkinkan syiar Islam berkembang pesat di samping mewujudkan perpaduan ummah Islam. Atas dasar ini Ibn Khaldun menegaskan bahawa fitrah dan sifat sayangkan bangsa sendiri adalah anugerah Allah pada setiap manusia. Ia umpama alat kelamin yang disediakan Allah untuk semua manusia. Andainya alat kelamin ini digunakan untuk tujuan yang haram ia menjadi salah dan andainya digunakan untuk tujuan yang betul ia dapat menjadi asas kekuatan diri.

Begitu juga seandainya manusia dilahirkan tanpa mempunyai alat kelamin ia akan dianggap sebagai tidak sempurna. Secara rasionalnya kita mengakui bahawa andainya manusia dilahirkan tanpa alat kelamin ia akan dianggap sebagai tidak lengkap. Ini kerana dengan bantuan alat kelamin ini banyak manfaat yang bakal terhasil untuk kepentingan manusia. Jadi, secara logiknya alat kelamin ini, ada ataupun tiada bukan menjadi masalah besar tetapi mesti tertakluk kepada ketaatan kepada hukum Allah.⁴²

Bagi Burhanuddin Helmi, memang semangat cinta tanah air ini mempunyai hubungan simbiotik (saling berkait) dengan Islam. Terdapat empat elemen yang

⁴²Saleh Faghizadeh (2004) *Sosiologi Sosiologi*, (terj. Mohd Fauzi Yaacob), Kuala Lumpur: ITNMB, h. 15-118.

berkaitan dengan semangat sayangkan bangsa ini iaitu iman, diri, bangsa dan watan. Iman berdiri di atas diri. Diri berdiri di atas bangsa dan bangsa mesti berdiri di atas watan. Seperti mana manusia perlukan kebebasan dan kemerdekaan untuk hidup dan melayakkannya dikenakan taklif syarak, maka kemerdekaan bangsa dan watan sangat diperlukan untuk memastikan agama dapat ditegakkan di atas bumi.⁴³

Dalam sejarah Alam Melayu, solidariti dan perpaduan di atas nama bangsa Melayu memang bertepatan dengan kehendak Islam. Hal ini boleh dilihat daripada beberapa fakta utama;

Pertama, masyarakat Melayu memaklumi bahawa sifat sayangkan tanah air, masyarakat dan bangsa sendiri memang merupakan fitrah yang diberikan Allah kepada semua manusia. Ianya bukan perkara yang salah bahkan dituntut demi mewujudkan perpaduan untuk kelompok tertentu. Namun begitu, mereka juga memaklumi bahawa perpaduan berasaskan kelompok sendiri tidak boleh mengatasi ketetapan agama yang lebih tinggi. Ada masanya apabila berhadapan dengan kepentingan agama yang lebih tinggi, kesetiaan pada bangsa sendiri perlu dileburkan. Contohnya, walaupun seseorang Melayu itu boleh berbangga dengan bangsa sendiri tetapi tidak boleh menyokong bangsanya yang menzalimi bangsa lain. Semangat *asabiyyah* ini berjalan seiring dengan menganggap bangsa lain yang beragama Islam sebagai saudara sendiri. Ia dijelaskan oleh firman Allah pada ayat 10 dan 13 surah al-Hujurat.

Kedua, masyarakat Melayu secara terbuka menerima bangsa yang bukan daripada ras (*race*) Melayu sebagai anggota masyarakat Melayu apabila ianya

⁴³ Kamaruddin Jaffar (2000), *Dr. Burhanuddin Al-Helmy; Pemikiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: IKDAS. 2000, h. 48-51.

didasarkan kepada kepentingan Islam. Lebih unik lagi, Islam telah menjadi asas untuk jati diri kemelayuan (*Malayness*)⁴⁴ dan sifat kemelayuan yang begitu sehati dengan Islam ini telah mengakibatkan sebarang serangan yang dibuat terhadap Islam akan dianggap seperti serangan yang dibuat terhadap asas kebudayaan Melayu.⁴⁵

Selain itu, sarjana Islam bukan Melayu yang mengamalkan gaya hidup Melayu-Islam serta menghasilkan sebarang sumbangan ilmiah yang berguna kepada orang Melayu turut diiktiraf sebagai sarjana Melayu Islam. Kenyataan ini dapat dilihat pada tokoh tafsir tempatan seperti Syeikh Abdullah Basmeih yang terkenal dengan karya tafsir unggulnya *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Walaupun berbangsa Arab dan berasal dari Hadramawt Yaman, beliau disenaraikan sebagai sarjana Melayu Islam kerana karya tafsirnya yang berbahasa Melayu serta menjadi rujukan utama orang Melayu Islam menyebabkan beliau turut di bariskan sebagai sarjana Melayu Islam⁴⁶.

Ketiga, semangat perpaduan ummah Islam yang diamalkan oleh masyarakat Melayu mengatasi semangat *asabiyyah* sempit seperti mana difahami dalam *world-view* barat. Proses ini antara lainnya telah menimbulkan semangat perpaduan di kalangan umat Melayu bahawa kedudukan mereka di dalam kerangka tauhid, ummah dan ukhuwah bukan terhad kepada lingkungan kawasan dan sejarah alam Melayu semata-mata bahkan turut membabitkan kesemua umat Islam seluruh dunia dari setiap

⁴⁴ Zainal Abidin Borhan (2000). Pantun dan Peribahasa Melayu: Persoalan Jati Diri dan Patriotisme, dalam Abdul Latiff Bakar (ed.), *Globalisme dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu*, Kuala Lumpur: APMUM, h. 45-58.

⁴⁵ Isabella Bird (1967). *The Golden Chersonese and the Way Thither*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 20.

⁴⁶ Abdullah Bukhari bin Abdul Rahim (2004), Pemodenan & Pembaharuan di dalam Pengajian Tafsir al-Quran: Kajian ke arah Penubuhan Pengkalan Data Tafsir al-Quran, (Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 14. Penyenaraian Syeikh Abdullah Basmeih sebagai salah seorang tokoh pentafsir al-Quran Melayu adalah perlu dan amat berpatutan.

zaman dengan warisan tamadun yang tinggi.⁴⁷ Umat Melayu berasa berbangga menganut Islam yang menjadikan mereka sebahagian daripada serangkaian ummah Islam, seperti mana halnya golongan Arab yang dipandang mulia oleh masyarakat Melayu.⁴⁸ Faktor inilah juga yang menyebabkan di dalam sejarah alam Melayu kerap berlaku penentangan umat Melayu terhadap kuasa penjajah barat yang dianggap sebagai kuasa kafir⁴⁹ dan hal ini telah diakui sendiri oleh mubaligh Kristian yang mengatakan bahawa orang Melayu sebagai golongan yang kuat berpegang kepada agama Islam.⁵⁰

Keempat, semangat *asabiyyah* Melayu-Islam dan jalinan Ummah Islam ini telah berjaya menghasilkan beberapa elemen positif.⁵¹ Dalam soal ini, kita boleh melihat tiga bentuk jalinan yang berlaku;

- 1) Hubungan intelektual berasaskan pemupukan budaya ilmu.⁵² Hubungan ini mengatasi sempadan bangsa dan etnik yang berbeza. Ia bersangkutan dengan keperluan kepada tenaga-tenaga ulama untuk menyuburkan Islam di alam Melayu. Hal ini terbukti apabila setiap kawasan di alam Melayu mengamalkan sikap terbuka yang menerima kehadiran seseorang ulama luar (bukan Melayu) dan

⁴⁷ Rahimin Affandi Abdul Rahim (2000), *Kebudayaan Melayu dan Islam Di Nusantara: Satu Analisa Pengkaedahan*, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Hukum Islam Semasa 111 Peringkat Kebangsaan 2000, Anjuran Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, pada 7-8hb. November 2000, h. 18-19.

⁴⁸ William Roff (1980) *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 41.

⁴⁹ Abdul Rahman Abdullah (1994), *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950: Pengaruh Agama dan Tarikat*, Kuala Lumpur: Penerbit Kintan.

⁵⁰ Charles Tisdall (1916), Ideas of Mohammedan Malaya, dalam *The Missionary Review of the World*, v. xxxiv, New York: Funk and Wagnalls, h. 348-349.

⁵¹ Untuk maklumat yang lebih mendalam lagi tentang konsep Ummah, sila lihat Jaffary Awang (2000), *The Notion of Ummah in Islam: The Response of Malay Muslim Intellectuals in Malaysia*, (Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan), University of Birmingham, khususnya dalam bab ketiga dan keempat.

⁵² Lihat Wan Mohd Nor Wan Daud (1997). *Penjelasan Budaya Ilmu*, Kuala Lumpur: DBP, h. 108-109.

kerap dilantik sebagai pakar rujuk untuk sesuatu institusi Islam.⁵³ Begitu juga setiap kawasan saling bergantung antara satu sama lain di dalam menentukan sesuatu pegangan keagamaan Islam. Sebagai contohnya, walaupun Sheikh Nuruddin al-Raniri berasal dari India, tetapi ia telah dilantik sebagai pakar rujuk utama untuk kerajaan Aceh.⁵⁴ Begitu juga banyak persoalan agama yang rumit yang berlaku dalam kerajaan Melaka telah dirujuk secara rasmi kepada jemaah ulama di Aceh⁵⁵.

- 2) Hubungan politik dan diplomatik Islam antara kerajaan alam Melayu dengan kerajaan Islam dunia. Hubungan politik ini telah mampu memperkukuhkan keadaan politik dalaman sesebuah kerajaan Melayu Islam.⁵⁶ Mana-mana musuh asing yang beragama selain Islam seperti Kristian dan Buddha yang bertindak menceroboh sesebuah wilayah umat Islam akan dianggap sebagai musuh dan kerap kali bantuan ketenteraan telah turut diberikan oleh kerajaan Islam alam Melayu yang lain.⁵⁷
- 3) Kuasa politik kesultanan Islam di alam Melayu telah menjemput ulama Islam asing selaku penasihat untuk usaha pemerintahan negara,⁵⁸ yang sekali gus turut menjalin hubungan erat dengan pemerintah kota Mekah. Hubungan ini telah mendedahkan alam Melayu kepada masyarakat Islam di Timur Tengah yang kemudiannya secara langsung telah memesatkan lagi jalinan intelektual antara

⁵³ B. J. O. Schrieke (1957), *Indonesian Sociological Studies*, Bandung: Penerbit Van Hoeve, j. 2, h. 261.

⁵⁴ Abdul Rahman Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 127-130.

⁵⁵ *Ibid.*, h. 99-100.

⁵⁶ Nabir Abdullah. Turki dan Alam Melayu: Tinjauan Terhadap Sejarah Hubungan Keduanya, dalam *Jebat*, 1997, Bil.15, hlm. 129-142.

⁵⁷ Ibrahim Abu Bakar (1994), *Islamic Modernism in Malaya*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 2-6.

⁵⁸ Abd. Jalil Borhan (1996), Sumbangan Ulama dalam Perkembangan Islam di Alam Melayu, *Jurnal Syariah*, 4(2), h. 276-277.

kedua kawasan ini.⁵⁹Oleh kerana itu para pengkaji yang membuat kajian tentang sarjana Islam di Mekah mendapati ramai sarjana Melayu berpangkalan di Mekah seperti pengarang kitab Tafsir Murah Labid iaitu Muhammad Nawawi al-Jawi. Kitabnya ini terdiri daripada dua jilid yang ditulis sepenuhnya dalam bahasa Arab.⁶⁰

d. Teori Dampak Penjajahan Jangka Panjang

Mengikut teori yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun, bangsa yang pernah dijajah biasanya akan menganggap bangsa yang pernah menjajahnya sebagai kuasa agung (superior) yang patut ditiru. Hal ini adalah fenomena biasa yang perlu diatasi secara berhemah oleh bangsa yang pernah terjajah. Antara kesan-kesan ini adalah trauma kehilangan jati diri, penjajahan epistemologi dan nisbah negatif yang dikaitkan dan dianggap betul oleh masyarakat antarabangsa kepada bangsa terjajah.⁶¹

Sindrom ini secara mudahnya diistilahkan sebagai mentaliti watak tertawan oleh Syed Hussien al-Attas.⁶² Shamsul Amri Baharudin pula menegaskan bahawa meskipun Malaysia telah lama mencapai kemerdekaan, namun warisan dan legasi yang ditinggalkan pihak penjajah British masih lagi diguna pakai dalam aspek geopolitik dan kuasa ilmu (epistemologi).⁶³ Katanya:

⁵⁹ *Ibid.*, h. 278.

⁶⁰ Beliau berasal dari Banten Jawa Barat dan menghabiskan masa mudanya belajar di beberapa tempat di Tanah Jawa dan kemudiannya menunaikan haji ke Mekah untuk menuntut ilmu serta menetap di sana. Di Mekah beliau juga telah bertugas sebagai guru dan banyak mendalami berbagai-bagai ilmu agama sehingga ke Mesir dan Syiria. Selain daripada karya tafsir tersebut, beliau banyak menghasilkan berbagai-bagai karya ilmiah di antara yang terkenalnya ialah *Matan al-Ajrumiyyah* dalam bidang nahu dan syarh kepada kitab Imam al-Ghazalli *Bidayah al-Hidayah*. Lihat, C. Snouck Hurgronje (1970), *Mekka in The Latter Part of the 19th Century*, Leiden: E. J. Brill, h. 268–271.

⁶¹ Saleh Faghizadeh (2004), *Sosiologi Sosiologi*, Terjemahan Oleh Mohd Fauzi Yaacob, Kuala Lumpur: ITNMB, h. 15-118.

⁶² Syed Hussein al-Attas (2005), “Watak Tertawan Di Negara Membangun”, Dalam Edit Oleh Mohamad Daud Mohamad *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur: DBP.

⁶³ Shamsul Amri Baharuddin (2004), “Oksidentalisme: Pengertian Dan Hala Tuju”, Dalam *Jurnal*

Kalau kita singkap kembali sejarah imperialisme dan kolonialisme barat kita akan bertemu dengan bukti jelas tentang pentingnya ilmu dan analisis sosial untuk pemerintahan. Misalnya, ilmu kolonial atau 'colonial knowledge', cukup penting untuk sesebuah kuasa imperialis mengasaskan kekuasaannya di kawasan jajahannya. Kalau kekuatan ketenteraannya membolehkan sebarang kuasa penjajah menakluki secara fizikal sesebuah ruang geo-politik, melalui ilmu kolonial pula penjajah tersebut mampu menakluki ruang epistemologi, iaitu ruang sistem pemikiran dan intelektual masyarakat peribumi yang dijajah. Bak aur dengan tebing, kedua-dua komponen tersebut, yang terdapat dalam proses penaklukan-penjajahan ini, tersulam satu dan sukar untuk dipisahkan.

Malaysia sebagai negara bekas tanah jajahan British secara tidak langsung telah menerima pengaruh kolonial British. Sebagai bangsa yang pernah terjajah, masyarakat Melayu terpaksa berhadapan dengan pelbagai kesan penjajahan.

Hal ini berlaku dalam dua bentuk; iaitu sama ada disedari dan tanpa disedari. Ia berlaku kerana kebijaksanaan penjajah British yang menggunakan teknik kekerasan dan hegemoni sekaligus dalam penjajahan. Teknik kekerasan adalah usaha British menggunakan kuasa tentera yang menghapuskan apa-apa bentuk penentangan orang Melayu. Teknik hegemoni pula merujuk kepada usaha British memerintah Tanah Melayu bagi pihak raja atau hasil persetujuan raja-raja Melayu.⁶⁴ Ia dilegitimiskan melalui perjanjian dengan raja-raja Melayu, penggunaan kuasa undang-undang dan sistem pendidikan.⁶⁵

Bagi para pemikir yang mengemukakan teori di atas, impak akibat penjajahan ini dianggap sebagai suatu kuasa hebat yang akhirnya dihormati dan ditiru dalam sistem nilai, pentadbiran dan juga pemerintahan negara yang pernah terjajah itu.

Pemikir, h. 1-19.

⁶⁴ Charles Michael Hawksley (2001), *Administrative Colonialism: District Administration And Colonial Middle Management In Kelantan 1909-1919 And The Eastern Highland Of Papua New Guinea 1947-1957*, Tesis Kedoktoran Untuk University Of Wollongong, h. 4-16.

⁶⁵ Tan Yao Sua (2009), *The British Educational Policy For The Indigenous Community In Malaya: Dualistic Structure, Colonial Interests And Malay Radical Nationalism*, CenPRIS Working Paper No. USM, 103/ 09 June 2009, h. 1-16

Maka hasilnya akan terbentuklah apa yang dipanggil mentaliti watak tertawan itu. Contoh yang serupa dapat dilihat pada negara jiran kita Indonesia; meskipun pernah dijajah dan sangat memusuhi Belanda, namun mereka masih tetap menerima pengaruh yang ditinggalkan Belanda dalam negara mereka sehingga ke hari ini.

Aspek geopolitik pula merangkumi penerusan dasar British yang diteruskan oleh golongan elit penjajah (raja dan pembesar Melayu) yang diterima sebagai pemimpin negara.⁶⁶ Mereka meneruskan polisi penjajah dalam beberapa dasar,⁶⁷ antaranya dalam bentuk Perlembagaan Negara, pemakaian buku teks wajib di sekolah dan universiti mengikut perspektif British,⁶⁸ sistem pemerintahan negara mengikut gaya Westminster di Britain, bidang pentadbiran awam dan pentabiran undang-undang bernegara.⁶⁹

Ketepatan teori ini terbukti benar apabila dinilai dengan realiti warisan penjajahan British di Malaysia. Memandangkan pihak British menjajah Tanah Melayu menggunakan kuasa ilmu (epistemologi), maka impaknya terus kekal di Malaysia sehingga ke era pasca merdeka. Aspek epistemologi yang dimaksudkan ini membabitkan pemikiran dan konstruk ilmu tentang;

- 1) Bagaimana pandangan dunia (*world view*) pemikiran sekularisme dalam melihat segala aspek kehidupan
- 2) Piawaian tentang apa yang penting dan matlamat hidup

⁶⁶ Khasnor Johan (1983), "Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi Dan Peranan Dalam Konteks Kerajaan Penjajah", dalam *Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 134-145.

⁶⁷ Shahrudin Maaruf (1993), *Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu*, Singapura: Pustaka Antara, h. 99-116.

⁶⁸ A.J. Stockwell (2009), The Crucible of the Malayan Nation: The University And The Making Of A New Malaya. 1938-1962, *Modern Asian Studies*, v. 43, 5, h. 1149-1187.

⁶⁹ Mohd. Noor Mat Yazid (2014), Colonial Policy And The Impact To The Politico-Economy Stability After Independence: The Case Of Indonesia Under The Dutch And Malaysia Under The British, *Review of History and Political Science*, December 2014, Vol. 2, No. 3 & 4, pp. 69-84

3) Bagaimana penggunaan kaedah untuk menyelesaikan masalah.⁷⁰

Para sarjana Malaysia moden menegaskan lagi bahawa pengaruh warisan British dapat dikesan dalam pelbagai lapangan ilmu seperti pengajian Melayu, sains sosial, ekonomi, sastera dan pengajian Islam. Ia juga merangkumi bidang pentadbiran, perlembagaan, perundangan, kepolisian, ketenteraan dan juga permuziuman.

Data yang terhasil daripada kajian sosiologi ini secara langsung dapat membantu pihak kerajaan mengurus, mengawal dan memonitor sesuatu perubahan yang berlaku dengan kaedah tuntas.⁷¹ Hasil analisa kritikal yang dibuat terhadap paparan ilmu kolonial tajaan penjajah British, kita boleh mengesan pelbagai kelemahan utama. Antaranya ialah falsafah Eurocentric dan Orientalisme. Demikian kerana konstruk asas ilmu kolonial adalah berasaskan dua falsafah tersebut.

1. Falsafah Eurocentric

Falsafah *Eurocentric* ini beranggapan bangsa eropah lebih tinggi martabat daripada bangsa lain. Hal ini dijelaskan oleh Ozay Mehmet dengan;⁷²

Eurocentricism refers to European ways of understanding and practicing social sciences, including history, on the basistem of methodologies developed in relation to the historical etidak periences of the European continent. This initial point is supposedly applicable to historical writing of other societies through academic or non-academic works produced by the Western individuals.

Makdisi menerangkan bahawa tabiat penulisan mengikut kacamata *Eurocentric*

⁷⁰ Mohd Hazim Shah Abdul Murad (2005), "Epistemology Colonial: Satu Analisis Ciri Dan Kesannya", Dalam (Edit) Mohamad Daud Mohamad, *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, DBP: Kuala Lumpur, h. 91-92.

⁷¹ Rahimin Affandi Abdul Rahim (1997), *Gerakan Tajdid Di Malaysia: Teori Dan Realiti*, dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, (ed) oleh Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, Kuala Lumpur, h. 93-106.

⁷² Özay, M. (2013). An Attempt To Understand The Driving Forces Of Historiography In The Eurocentric Perspective In Southeast Asia. *İnsan & Toplum*, 3(6), h. 271-282.

memang dijadikan asas oleh semua orang barat pada zaman silam. Katanya;

Throughout the process, people from all segments of society such as priests, travelers, state historians, and soldiers from all ranks, races and creeds of European nations; and, perhaps peculiarly, administrative officers who worked directly for the Colonial Office, contributed to the production of the cumulative knowledge of the East. Their Eurocentric discourse was unquestionably colored by prejudices towards Muslim communities developed in earlier stages of history, from etidak periences in places such as Andalusia in the Iberian Peninsula. Furthermore, one can assert that the accounts of the above mentioned scholarly and non-scholarly circles, which reflect European perspectives or Eurocentric approaches, inevitably served to structure the policies of the European kingdoms. These works made the natives' history and geography a research subject dealt with and narrated from the European standpoint.⁷³

Dalam apa-apa kajian yang membabitkan masyarakat bukan barat, pendekatan Eurocentric telah bertindak sebagai metode analisis yang memberikan orang eropah semacam kuasa merendahkan masyarakat bukan barat. Ia diputuskan kononnya kerana tugas kuasa British adalah untuk mentamadunkan orang timur.⁷⁴ Dalam apa-apa perkarapun falsafah eurocentric ini dijadikan sebagai premis ataupun pre-conceived idea utama untuk menilai orang timur.⁷⁵

Program mentamadunkan masyarakat timur ini dikatakan sebagai usaha murni pihak british. Hal ini ditegaskan oleh Thomas Babington Macaulay, dalam Minute on Education 1835, tentang status pemikiran barat berbanding dengan pemikiran peribumi; *a single shelf of a good European library was worth the whole native literature of India*. Dalam bahagian lain, ia mengatakan bahawa; *education should be Western learning, including science, and that the language of instruction should be English.*⁷⁶

Di Tanah Melayu, polisi ini boleh dikesan daripada usaha Raffles yang

⁷³ Makdisi, S. (1998). *Romantic Imperialism: Universal Empire And The Culture Of Modernity*. Cambridge: Cambridge University Press, h. 128.

⁷⁴ Özay, M. (2013). An Attempt To Understand The Driving Forces Of Historiography In The Eurocentric Perspective In Southeast Asia. *İnsan & Toplum*, 3(6), h. 282.

⁷⁵ Edward Said (1993). *Culture And Imperialism*. New York: Alfred A. Knopf.

⁷⁶ Milner, A. C. (1982). *Kerajaan: Malay Political Culture On The Eve Of Colonial Rule*. Tucson: The University Of Arizona Press., H.108-109

memperkenalkan sekolah di Singapura. Ia dikatakan menjadi “*monument to British culture*”⁷⁷ dan bertujuan untuk “*to stimulate the revival of wealth and civilization in Southeast Asia*”.⁷⁸ Raffles mendakwa usaha pentamadunannya dengan katanya; “*Great Britain has carried civilization and improvement in its train*”.⁷⁹ Seabad kemudiannya isu pentamadunan ini sekali lagi diutarakan oleh Winstedt yang mencadang subjek sejarah greek dan Rom diterapkan dalam sukatan pelajar di sekolah Melayu.

Pendekatan Eurocentric ini, mengikut Ozay Mehmet telah diterapkan dalam kaedah pensejarahan (historiography) dan proses ilmu. Tegasnya lagi, konsep sejarah dan ilmu milik masyarakat alam Melayu tidak diiktiraf;

*The establishment of universities, for example, Gottingen University in the 18th century, created places where a well-constructed formulation of the knowledge of historicity was produced on the basistem of the Western tradition. The superiority of the knowledge as product of the mentioned higher education institutions gets its resources from the sacralization of knowledge as an product of Greek and Roman civilization, where the non-Greek and non-Roman are considered inferior. Here, non-Greek and non-Roman refers to the Malay Muslim societies in Southeast Asia.*⁸⁰

Bagi Ozay Mehmet⁸¹ dan Edward Said, pihak penjajah barat secara halus cuba memaksakan sistem epistemologi barat dan menafikan autoriti epistemologi masyarakat timur dalam penulisan sejarah dan ilmu.⁸² Akibatnya, sistem epistemologi barat telah mempengaruhi pemikiran masyarakat tanah jajahan. Ia juga menimbulkan rasa rendah diri di kalangan masyarakat tanah jajahan apabila membandingkan diri

⁷⁷Federation Of Malaya On Education For 1954. Kuala Lumpur: Nan Yang Press, h. 3

⁷⁸Turnbull, C. M. (1972). *The Straits Settlements 1826-1867: Indian Presidency To Crown Colony*. London: The Athlone Press, h. 224.

⁷⁹ Raffles, L. S. (1991). *Memoirs Of The Life And Public Services Of Sir Thomas Stamford Raffles* (With An Introduction By John Bastin). Oxford University Press, h. 33.

⁸⁰Ozay, M. (1995). *Westernizing The Third World: The Eurocentricity Of Economic Development Theories*. London: Roudledge, h. 9.

⁸¹ Ibid, h. 273.

⁸² Harrison, N. (2009). A Room Place Full Of Possibility?: Said's Orientalism And The Literary., R. Ghosh (Ed.), *Edward Said And The Literary, Social, And Political World*, New York: Routledge, h. 13-19.

mereka dengan kuasa penjajah.⁸³ Dalam soal ini, Ang, & Stratton menempetak sifat buruk kuasa penjajah yang menganggap mereka berhak merendahkan autoriti epistemologi peribumi; *“The Western powers underlined their imperial intentions, as colonial expansion in native lands came with the general assumption that colonists had exclusive rights to design the native societies, commencing with the invention of the latter’s histories. This policy was the inevitable result of Western “self-asserted superiority”*⁸⁴

Lebih lanjut lagi, Mathieu Courville, menerangkan fenomena ini sebagai penjajahan epistemologi; *this process led the Western scholarly elite to gain legitimacy in understanding of the native societies. Whether connected or independent, each member of this scholarly elite group contributed to some extent to the construction of the “epistemology of imperialism”*.⁸⁵

2. Falsafah Orientalisme

Kita akan dapat mengesan bagaimana usaha memburukkan Islam menjadi agenda utama falsafah orientalism ini. Ia kemudiannya menjadi asas terpenting untuk program Islamophobia di zaman moden. Sarjana kolonial awal di Alam Melayu yang proses membina ilmu kolonial memang terpengaruh dengan pegangan agama kristian mazhab protestan yang memusuhi Islam.

Hal ini boleh dilihat kepada tiga tokoh kolonial yang awal ini iaitu Mardsen, Crawford dan Raffles. Walaupun ada sesetengah sarjana yang menafikan peranan agama Kristian kepada dasar kolonial british, namun muhd Khairuddin Junied telah

⁸³ Ang, I., & Stratton, J. (1995). The Singapore Way Of Multiculturalism: Western Concepts/Asian Cultures. *Sojourn*, 10(1), h. 65-89.

⁸⁴ Ibid, h. 69.

⁸⁵ Courville, M. E. (2010). *Edward Said’s Rhetoric Of The Secular*. London: Continuum International Publishing Group, h. 23.

berjaya membuktikan pengaruh Kristian mazhab protestan kepada Raffles dan Mardsen.

Raffles sebagai contohnya dilahirkan dan dibesarkan budaya beragama Protestan. Ia telah mempengaruhi pemikirannya yang membabitkan masyarakat luar. Catatan sejarah Britain menunjukkan masyarakat British memang kuat berpegang pada agama kristian Mazhab Protestan. Bahkan dalam perang Napoleon, Britain dikatakan sebagai negara protestan "*Britain as a Protestant nation and France as a Catholic one.*"⁸⁶ Bukan setakat itu sahaja, sesetengah sejarawan British mengakui identiti ini, "*Protestantism was the most important element of their identity*".⁸⁷

Masyarakat British secara majoritinya mendakwa masyarakat luar eropah perlu dikristiankan demi memperluaskan visi dakwah dan tamadun kristian yang menyelamatkan dunia.⁸⁸ Berbanding dengan mazhab Katolik dan metodism, mazhab Protestan ini lebih menekankan kepada usaha berkerja keras penyebaran agama Kristian,⁸⁹ disamping mengejar pencapaian kebendaan sebagai bukti ketaatan beragama. Hal ini ditegaskan sebagai; *as most Evangelicals would argue, should however rest upon reason rather than superstition and blind adherence to the faith. "Scientific proofs" thus became an integral part of the effort to justify "the reasonableness of Christianity" over other religions.*⁹⁰

⁸⁶ Peter Van Der Veer, *Imperial Encounters: Religion And Modernity In India And Britain* (New Jersey: Princeton University Press, 2001), h. 22.

⁸⁷Linda Colley (1992), *Britishness And Otherness: An Argument*, *Journal Of British Studies* 31, 4, H. 309-329; Linda Colley (1992), *Britons*, London: Yale University Press, h. 5.

⁸⁸ C.A. Bayly (1989), *Imperial Meridian: The British Empire And The Archipelago, 1780-1830*, London: Longman, h. 136-137

⁸⁹ Kim Sanecki (2006), *Protestant Christian Missions, Race And Empire: The World Missionary Conference Of 1910, Edinburgh, Scotland*, Tesis Sarjana Untuk College Of Arts And Sciences Georgia State University

⁹⁰ George Macaulay Trevelyan (2000), *English Social History*, London: Penguin Books, h. 372.

Lebih khusus lagi ia dimotivasi dengan semangat perang salib. Hal ini ditegaskan oleh Norman Daniel; *“These men had an undoubting faith that their civilisation must dominate the world; although it might be etidak pressed in terms of technical superiority, both technological and institutional. They believed that its strength was its moral force, which itself was inetidak tricably Christian.”*⁹¹

Mardsen, Crawford dan Raffles seperti mana penganut kristian british beranggapan bahawa pengeluaian empayar British bertanggungjawab membawa visi pentamadunan kepada masyarakat dunia.⁹² Ia termasuk sebagai usaha memastikan pengaruh Islam dapat disekat. Albert Hourani menegaskan bahawa;

*“ In Britain and amongst British people in the empire, an incentive was given to the idea of opposition between Christianity and Islam by the new religious spirit of Evangelicalism: the idea that salvation lay only in the consciousness of sin and acceptance of the gospel of Christ, and that one who knows himself to be saved has a duty to confront others with this truth.”*⁹³

Ketiga tokoh ini, Mardsen, Crawford dan Raffles bertindak sesuai dengan suasana di eropah pada abad 17-19 yang memandang negatif pada Islam dan menjadikannya sebagai inspirasi dalam melahirkan korpus ilmu kolonial.⁹⁴ Ia dalam bentuk: *pertama*, semangat kebencian melampau pada Islam kerana Islam adalah satu-satunya agama yang menentang dominasi Kristian. *Kedua*, Islam adalah agama yang salah daripada segi intipati n metodologi ajarannya. Ia adalah pecahan agama sesat daripada tradisi kristian yang dicipta oleh Nabi Muhamad. Ia bukan agama wahyu tetapi peniruan daripada budaya asing (hellenenisme, greek dan jahiliah) yang

⁹¹ Daniel, Norman (1966), *Islam, Europe And Empire*, Edinburgh: Edinburgh University Press, h. 66.

⁹² Bayly, *Imperial Meridian*, h. 152.

⁹³ Albert Hourani (1991), *Islam In European Thought*, New York: Cambridge University Press, h. 17

⁹⁴ William Marsden (1986), *The History Of Sumatra*, Singapore: Oxford University Press, H.. 292 ; Crawford, John (1967). *History Of The Indian Archipelago: Containing An Account Of The Manners, Arts, Languages, Religions, Institutions, And Commerce Of Its Inhabitants*. London: Cass, Vol. II, h. 272-283.

diolah oleh sarjana Islam dan dinisbahkan pada Nabi Muhammad. Atas dasar itu ajaran Islam hanya sesuai dengan masyarakat Timur Tengah zaman pertengahan.

Raffles amat skeptik dengan pencapaian Islamisasi alam Melayu, yang diterangkan dalam beberapa kenyataannya;

1) Islam telah merusak pencapaian tamadun Melayu yang terbina sebelumnya, alam Melayu berjaya membangunkan tamadun politik dan ekonomi yang baik terbukti dengan wujud kerajaan dan pelabuhan penting.⁹⁵

2) Islam menjadikan agenda utama mengajar orang Melayu menjadi fanatik dan membenci orang eropah.

3) orang Melayu bukan penganut Islam sejati dalam bentuk yang lengkap.⁹⁶

Undang-Undang Islam tidak difahami dengan baik, bahkan di beberapa tempat alam Melayu yang tidak mengetahui langsung kewujudan perundangan Islam.⁹⁷

Undang-Undang tubuh Melayu (hasil campuran Islam dan adat Melayu) pada dasarnya bukan Undang-Undang Islam sejati kerana ia hasil campuran antara Undang-Undang Islam dengan adat.⁹⁸

D. Kesimpulan

Dari paparan kajian ini, terbukti teori ilmu yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun dapat dimanfaatkan untuk profesion kurator muzium. Ia bukan setakat

⁹⁵ Raffles, "A Discourse Delivered At A Meeting Of The Society Of Arts And Sciences, In Batavia, On The Twenty-Fourth Day Of April, 1813, Being The Anniversary Of The Institution", In Raffles, Memoir, h. 145

⁹⁶ Raffles, The History Of Java Vol. I, h. 245

⁹⁷ Raffles, Minute On The Singapore Institution, April 1823, H. 19 And Raffles, The History Of Java Vol. I, h. 280-281.

⁹⁸ Raffles, Minute On The Singapore Institution, April 1823, h. 16

memajukan diri kurator dalam bidang tugas hariannya, bahkan juga mampu memperkasakan pemikirannya menjadikannya lebih kritis dalam menanggapi sesuatu isu. Sebaiknya, seorang kurator muzium moden perlu memantapkan diri dengan pelbagai literatur yang berkaitan dengan konsep *new* muzium. Ia diperkenalkan oleh sarjana barat yang kemudiannya turut mempengaruhi sarjana Islam sendiri.

DAFTAR PUSTAKA

- Abdillah, Mujiyono. *Agama Ramah Lingkungan: Perspektif Al-Quran*, Jakarta: Paramadina, 2001.
- Abdullah, Abdul Rahman. *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950: Pengaruh Agama dan Tarikat*, Kuala Lumpur: Penerbit Kintan, 1994.
- Abdullah, Abdul Rahman. *Pemikiran Umat Islam Di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: DBP, 1999.
- Abdullah, Abdul Rahman. *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Abdullah, Nabir. "Turki dan Alam Melayu: Tinjauan Terhadap Sejarah Hubungan Keduanya," dalam *Jebat*, Bil.15. 1997.
- Agus, Mohd Razali. *Pembangunan Dan Dinamika Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan publication. 2000.
- Ahmad, Abu Talib. "State Museums and Their Representations Of The Past In Malaysia," *JMBRAS*, Vol. 81, Bah. 2. 2008.

- Ahmad, Abu Talib. *Muzium Dan Penghayatan Sejarah Negara*, Prosiding Sidang Kemuncak Sejarah, K. Lumpur, PSM. 2013.
- Ahmad, Shamsidar. Creating Museum Exhibition: What The Public Want?, *Asian Journal Of Behavioural Studies (A)bes*, 3(11) May / Jun 2018.
- Al-Attas, Syed Hussein. "Watak Tertawan Di Negara Membangun", dalam Mohamad Daud Mohamad (ed.), *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur: DBP. 2005.
- Alias, Ahnaf Wafi. "Kurator Muzium Negeri Pahang Dalam Memastikan Kelangsungan Manuskrip Hukum Kanun Pahang," Persidangan Siswazah Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018, (PERSIPMAM), Bilik Seminar UNIKEB, Bangi Gateway, Bandar Baru Bangi, Selangor 19 April 2018.
- Ang, I., dan Stratton, J. "The Singapore Way of Multiculturalism: Western Concepts/Asian Cultures." *Sojourn*, 10(1), 1995.
- Awang, Jaffary. *The Notion of Ummah in Islam: The Response of Malay Muslim Intellectuals in Malaysia*, (Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan), University of Birmingham, 2000.
- Aziz, Abdul Rahman. *Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia*, Petaling Jaya: Printice Hall, 2000.
- Baharuddin, Shamsul Amri. "Oksidentalisme: Pengertian Dan Hala Tuju", dalam *Jurnal Pemikir*. 2004.
- Bakar, Ibrahim Abu. *Islamic Modernism in Malaya*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1994.

- Basri, Ahmad Fawzi Mohd. "Perubahan Nilai Dalam Budaya Politik Melayu," dalam Ahmad Fawzi Mohd. Basri (Ed.), *Nilai Orang Melayu*, Sintok: Sekolah Pembangunan Sosial, UUM, 1996.
- Bayly, C.A. *Imperial Meridian: The British Empire And The Archipelago, 1780-1830*, London: Longman, 1989.
- Beurden, Joseph Maria van. *Treasures In Trusted Hand Negotiating The Future Of Colonial Cultural Objects*, tesis kedoktoran untuk Universiti Amsterdam, 2016.
- Bird, Isabella. *The Golden Chersonese and the Way Thither*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967.
- Borhan, Abd. Jalil. Sumbangan Ulama dalam Perkembangan Islam di Alam Melayu, *Jurnal Syariah*, 4(2), 1996.
- Borhan, Zainal Abidin. Pantun dan Peribahasa Melayu: Persoalan Jati Diri dan Patriotisme, dalam Abdul Latiff Bakar (ed.), *Globalisme dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu*, Kuala Lumpur: APMUM. 2000.
- Colley, Linda. "Britishness and Otherness: An Argument," *Journal Of British Studies* 31, (1992), Britons, London: Yale University Press.
- Courville, M. E. *Edward Said's Rhetoric Of The Secular*. London: Continuum International Publishing Group, 2010.
- Crawford, John. *History Of The Indian Archipelago: Containing An Account Of The Manners, Arts, Languages, Religions, Institutions, And Commerce Of Its Inhabitants*. London: Cass, Vol. II, 1967.
- Daniel, Norman. *Islam, Europe And Empire*, Edinburgh: Edinburgh University Press, 1966.

- Daud, Haron. "Pemikiran Melayu Tentang Alam Dan Hakikat Diri," dalam Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus (Ed.), *Pemikiran Melayu Tentang Alam Dan Hakikat Diri*. Kumpulan Kertas Kerja Kolokium Bahasa Dan Pemikiran Melayu/Indonesia 11, Kuala Lumpur: DB, 2002.
- Dellios, Paulette. *The Museum As Artifact, Made In Malaysia*, Tesis Ph.D Untuk James Cook University Of North Queensland. 1999.
- Durrans, B. "The Future of The Other: Changing Cultures on Display In Ethnographic Museum," dalam Lumley, R. (ed.), *The Musuem Time-Machine*, London: Routledge, 1988.
- Faghizadeh, Saleh. *Sosiologi Sosiologi*, (terj. Mohd Fauzi Yaacob), Kuala Lumpur: ITNMB. 2004.
- Federation Of Malaya On Education For 1954. Kuala Lumpur: Nan Yang Press.
- Greenhill, Eilean Hooper. *Museum and Gallery Education*, Leicester University Press. Turkish edition, Ankara University: Muze ve Galeri Egitimi, 1999.
- Halim, Asyiqin Ab. "Ibn Khaldūn's Theory Of 'Aṣabīyah And The Concept Of Muslim Ummah," *Jurnal al-Tamaddun*, (2014), Bil 9 (1).
- Harrison, N. "A Room Place Full of Possibility': Said's Orientalism And The Literary," in R. Ghosh (Ed.), *Edward Said And The Literary, Social, And Political World*, New York: Routledge, 2009.
- Hawksley, Charles Michael. *Administrative Colonialism: District Administration And Colonial Middle Management In Kelantan 1909-1919 And The Eastern Highland Of Papua New Guinea 1947-1957*, Tesis Kedoktoran Untuk University Of Wollongong, 2001.

- Hooper-Greenhill. *Museums And The Interpretation Of Visual Culture*. London & New York: Routledge, 2000.
- Hourani, Albert. *Islam In European Thought*, New York: Cambridge University Press, 1991.
- Hurgronje, C. Snouck. *Mekka in The Latter Part of the 19th Century*, Leiden: E. J. Brill, 1970.
- Isa, Badrul. *Museum Pedagogy And Learning Experiences: An Investigation Into Museum Education From Instructional Perspectives*, Tesis Phd Untuk School of Education, College of Design and Social Context, RMIT University, 2017.
- Jaffar, Kamaruddin. *Dr. Burhanuddin Al-Helmy; Pemikiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: IKDAS. 2000.
- Johan, Khasnor. “Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi Dan Peranan Dalam Konteks Kerajaan Penjajah”, dalam *Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.
- Kechot, Ab Samad. Pendidikan Warisan Di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya, *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 2012.
- Kechot, Ab Samad. Proses Pendidikan Muzium: Satu Kajian Awal, *Jurnal Melayu* (5), 2010.
- Kim, Jennifer; Lian Chan & Eileen Yeoh, “The Experiential Dimensions of Museum Experiences: The Visitors’ Perspectives,” *International Journal of Business and Accountancy*, (2010), Vol. 1, No. 1.
- Kling, Zainal. “Manusia Melayu, Alam Dan Tamadunnya”, dalam Abdul Latiff Abu Bakar (Ed.), *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu: Kumpulan Kertas Kerja Hari Sastera 1995*, Kuala Lumpur: DBP. 2000.

- Laffan, Michael Francis. *Islamic Nationhood And Colonial Indonesia: The Umma Below The Winds*, London: Routledge Curzon, 2003.
- Ligun, Azman. "Muzium Sebagai Instrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah," *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, (2017), Bil. 5, Isu 1 [19].
- Maaruf, Shahrudin. *Konsep Wira Dalam Masyarakat Melayu*, Singapura: Pustaka Antara. 1993.
- Makdisi, S. *Romantic Imperialism: Universal Empire And The Culture Of Modernity*. Cambridge: Cambridge University Press, 1998.
- Marsden, William. *The History Of Sumatra*, Singapore: Oxford University Press, 1986.
- Maxwell, W.E. "The Malay Peninsula: Its Resources And Prospects," dalam P.H. Kratoska (Ed.), *Honourable Intentions*, Oxford University Press, 1983.
- Milner, A. C. *Kerajaan: Malay Political Culture On The Eve Of Colonial Rule*. Tucson: The University Of Arizona Press. 1982.
- Murad, Mohd Hazim Shah Abdul. "Epistemology Colonial: Satu Analisis Ciri Dan Kesannya", dalam Mohamad Daud Mohamad (ed.), *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur: DBP. 2005.
- Musa, Hashim. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arab Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Baru*, Kuala Lumpur, 2001.
- Othman, Abdul Halim dan Md. Shuaib Che Din. "Sifat Kesederhanaan", dalam *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur: DBP. 1993.
- Othman, Wan Abdul Halim " Hubungan Kekeluargaan Dalam Masyarakat Melayu ", dalam *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur: DBP. 1993.
- Özay, M. *Westernizing The Third World: The Eurocentricity Of Economic Development Theories*. London: Roudledge. 1995.

- Özay, M., "An Attempt To Understand The Driving Forces Of Historiography In The Eurocentric Perspective In Southeast Asia." *İnsan & Toplum*, 3(6). 2013.
- Raffles, T. S. "A Discourse Delivered At A Meeting Of The Society Of Arts And Sciences, In Batavia.
- Raffles, T. S. *Memoirs Of The Life And Public Services Of Sir Thomas Stamford Raffles* (With An Introduction By John Bastin). Oxford University Press. 1991.
- Raffles, T. S. *Minute On The Singapore Institution*, April 1823.
- Raffles, T. S. *The History Of Java* Vol.I.
- Rahim, Abdullah Bukhari bin Abdul. *Pemodenan & Pembaharuan di dalam Pengajian Tafsir al-Quran: Kajian ke arah Penubuhan Pengkalan Data Tafsir al-Quran*, (Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.
- Rahim, Rahimin Affandi Abd. "Analisis Sejarah Dakwah Dan Jalinan Intelektual Rantau Malaysia-Indonesia ", dalam Zulkiple Abd. Ghani (ed.), *Jaringan Dakwah Malaysia-Indonesia*, Terbitan Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Bangi. 2003.
- Rahim, Rahimin Affandi Abd. "Citra Islam Dalam Pembentukan Manusia Melayu Moden Di Malaysia: Suatu Analisa," *Jurnal Pengajian Melayu*, v. 15. 2005.
- Rahim, Rahimin Affandi Abd. "Gerakan Tajdid Di Malaysia: Teori Dan Realiti," dalam Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (ed), *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur. 1997.
- Rahim, Rahimin Affandi Abd. "Kebudayaan Melayu dan Islam Di Nusantara: Satu Analisa Pengkaedahan," kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Hukum
- Temali: Jurnal Pembangunan Sosial*, Volume 2 Nomor 2 Tahun 2019; (311-353)

Islam Semasa 111 Peringkat Kebangsaan 2000, Anjuran Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, pada 7-8hb. November 2000.

Rahman, M. Taufiq. *Pengantar Filsafat Sosial*. Bandung: LEKKAS. 2018.

Ramli, Zuliskandar; et al. Masyarakat Maritim Di Pulau Kalumpang Dan Lembah Bujang: Pelayar Dan Pedagang Antarabangsa, dalam Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, *Perak-Warisan arkeologi*, Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, Kuala Lumpur. 2011.

Roff, William. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1980.

Ryan, Louise. *Transcending Boundaries: The Arts Of Islam: Treasures From The Nassar D. Khalili Collection*, Tesis Phd Untuk Institute For Culture And Society, University Of Western Sydney, 2015.

Said, Abdullah Mohd. "Prosedur Dan Pelaksanaan Penilaian Dampak Sosial," dalam Mohd. Razali Agus (Ed.), *Penilaian Dampak Sosial*, Kuala Lumpur: Utusan publication, 2003.

Said, Edward. *Culture And Imperialism*. New York: Alfred A. Knopf, 1993.

Sanecki, Kim. *Protestant Christian Missions, Race And Empire: The World Missionary Conference Of 1910*, Edinburgh, Scotland, Tesis Sarjana Untuk College Of Arts And Sciences Georgia State University, 2006.

Schrieke, B. J. O. *Indonesian Sociological Studies*, Bandung: Penerbit Van Hoeve, j. 2, 1957.

Sengupta, Indra and Daud Ali. *Knowledge Production, Pedagogy and Institutions in Colonial India*, London: Palgrave Macmillan, 2011.

- Stockwell, A.J. *The Crucible of the Malayan Nation: The University And The Making Of A New Malaya. 1938-1962*, Modern Asian Studies, 2009.
- Sua, Tan Yao. *The British Educational Policy For The Indigenous Community In Malaya: Dualistic Structure, Colonial Interests And Malay Radical Nationalism*, CenPRIS Working Paper No. USM, 103/ 09 June 2009.
- Suharto, Toto. *Epistemologi Sejarah Kritis Ibn Khaldun*, Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru. 2003.
- Tisdall, Charles. "Ideas of Mohammedan Malaya," dalam *The Missionary Review of the World*, (1916), v. xxxiv, New York: Funk and Wagnalls.
- Trevelyan, George Macaulay. *English Social History*, London: Penguin Books, 2000.
- Turnbull, C. M. *The Straits Settlements 1826-1867: Indian Presidency To Crown Colony*. London: The Athlone Press. 1972.
- Van Der Veer, Peter. *Imperial Encounters: Religion And Modernity In India And Britain*. New Jersey: Princeton University Press. 2001.
- Wan Daud, Wan Mohd Nor. *Penjelasan Budaya Ilmu*, Kuala Lumpur: DBP. 1997.
- Yahya, Mahayudin Haji. "Umran Al 'Alam Dari Perspektif Ibn Khaldun: Suatu Anjakan Paradigma," *International Journal of West Asian Studies*, (2011), Vol. 3 No. 1.
- Yahya, Mahayudin Haji. "Masyarakat Madani Dalam Kerangka Teori Masyarakat Umran", *Jurnal Pendidikan Islam*, (1999), V. 8, Bil. 4.
- Yazid, Mohd. Noor Mat. "Colonial Policy And The Impact To The Politico-Economy Stability After Independence: The Case Of Indonesia Under The Dutch And Malaysia Under The British," *Review of History and Political Science* , December 2014, Vol. 2, No. 3 & 4. 2014.

Yusof, Mohd Azmi Mohd. *Menggiatkan Fungsi Muzium Dan Upaya Memupuk Minat Sejarah Di Kalangan Masyarakat Awam*, Prosiding Sidang Kemuncak Sejarah, K. Lumpur, PSM. 2013.

Zakaria, Idris. "Islam Dan Amalan Toleransi Di Alam Melayu," dalam Zulkiple Abd Ghani (Ed.), *Jaringan Dakwah Malaysia Indonesia*, Bangi: Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, UKM, 2003.